

**TAWARAN SKIM PINJAMAN BOLEH UBAH KATEGORI PELAJAR CEMERLANG  
PERINGKAT IJAZAH PERTAMA (LEPASAN ASASI / MATRIKULASI / DIPLOMA /  
STPM / STAM ATAU SETARAF)**

**SYARAT PERMOHONAN**

**A. SYARAT UMUM**

- i. Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat Negeri Terengganu di mana salah seorang ibu atau bapa pemohon berkenaan lahir di Negeri Terengganu.
- ii. Pemohon dan Ibu atau bapa bukan rakyat Terengganu tetapi bermastautin selama 10 tahun atau lebih boleh memohon dengan menyertakan Sijil Kerakyatan atau surat akuan bermastautin.
- iii. Pemohon dan Ibu atau bapa mestilah mendaftar sebagai pemilih/pengundi di Negeri Terengganu.
- iv. Berumur tidak melebihi 25 tahun semasa memohon dan bujang / belum berkahwin.
- v. Keutamaan kepada pemohon dari kalangan berpendapatan rendah (B40).

**B. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :-**

**IJAZAH PERTAMA (PELBAGAI BIDANG)**

- i) **Keluarga berpendapatan rendah B40**
- ii) Telah mendapat tawaran/tempat mengikuti pengajian di Universiti Awam dalam negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
- iii) Memperolehi **keputusan cemerlang CGPA 3.75** ke atas atau setaraf dalam peperiksaan peringkat Asasi /Matrikulasi /STPM/ STAM/ Diploma.

---

## KAEDAH PERMOHONAN

**Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (on-line)** menerusi pautan  
[ytpenajaan.terengganu.gov.my](http://ytpenajaan.terengganu.gov.my)

Borang permohonan mesti dilengkapkan dengan memuatnaik (upload) semua dokumen yang diperlukan.

## UJIAN BERTULIS & TEMUDUGA

Hanya calon-calon yang layak disenarai pendek akan dipanggil menduduki Ujian Bertulis & Temuduga yang dikendalikan oleh Yayasan Terengganu.

## KEPUTUSAN TAWARAN

Penawaran biasiswa/pinjaman kepada pemohon yang berjaya akan dipertimbangkan **berdasarkan kouta, merit, temuduga dan kelulusan** Mesyuarat Jawatankuasa Tajaan & Transformasi Pendidikan dan Pembangunan Pendidikan Yayasan Terengganu.